

Kartel ciplak tiga jenama daging Australia

Jenama daging sejuk beku Australia digunakan untuk kaburi kegiatan haram kartel

JOHOR BAHRU

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) mengenal pasti tiga jenama popular produk daging sejuk beku keluaran Australia yang dipercayai telah dipalsukan sebelum diedar di pasaran tempatan.

Perkara itu terbongkar susulan penemuan terbaharu kotak terababit yang masih belum digunakan di longgokan gudang kartel berkenaan di Senai di sini.

Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Maqis, Siti

Nur Ahmad berkata, kartel terbabit dipercayai menyalahgunakan jenama tersebut dengan memasukkan daging-daging yang diimport dari negara yang tidak mendapat pengiktirafan halal.

"Kita percaya kotak-kotak ini ditempah kartel dari sebuah premis lain dengan meniru jenama terbabit seolah-olah ia adalah tulen.

"Bagi mengaburi pengguna, kartel tersebut juga membuat cop serta pelekat palsu halal," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata, untuk rekod Maqis, produk original itu adalah produk yang diimport dari

Australia.

Katanya, beberapa produk daging sejuk beku yang ditemui di tempat simpanan gudang kartel itu turut menemui produk



daging lain berupa daging angsa, itik serta ayam.

"Untuk makluman, daging itik dan angsa adalah

daging yang tidak dibenarkan diimport dari mana-mana negara," katanya.

Rabu lalu, susulan pendedahan *Sinar Harian*, sepasukan pegawai dan anggota Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Maqis, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Johor, Jabatan Kemanusiaan Islam Malaysia (Jakim) serta Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) menyerbu gudang terbabit pada jam 10.30 pagi.

Siasatan mendedahkan kegiatan penyeludupan masuk yang dilakukan sindiket terbabit dipercayai menggunakan dokumen palsu termasuklah borang kastam, permit import, sijil halal atau pun resit bayaran.

Bagi mengaburi mata pihak berkuasa, pada masa sama, sindiket turut mengimport daging dari sumber yang sah sebelum dibawa ke gudang terbabit dan akan diletakkan di satu bahagian khas untuk disimpan.

Pemeriksaan lanjut juga mendapati daging yang dicurigai itu kemudian akan dibungkus semula di dalam sebuah bilik yang dilengkapi mesin pemotong.

Daging tersebut akan dimasukkan di dalam kotak sebelum ditampal dengan pelekat serta dicop dan dilabel seakan-akan daging terbabit adalah halal.



30 pusat pengedaran dipercayai ada kaitan dengan kartel

JOHOR BAHRU - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengesyaki lebih 30 buah pusat pengedaran di negara ini mempunyai kaitan dengan sebuah gudang kartel daging sejuk beku yang digempur pihak berkuasa di Senai di sini Selasa lalu.

Pengarah Penguatkuasa KPDNHEP Putrajaya, Datuk Iskandar Halim Sulaiman berkata, pihaknya kini sedang menjalankan siasatan dengan mengumpulkan maklumat berkaitan.

"Setakat ini lebih 30 pusat pengedaran dipercayai mempunyai kaitan dengan gudang di Senai itu.

"Siasatan masih dijalankan dan tindakan akan diambil di bawah Seksyen 5 Akta Perihal Dagangan 2011," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Tegas Iskandar Halim, pihaknya tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang menyalahgunakan dan menjual daging yang menggunakan logo halal palsu.

Terdahulu, Menteri KPDNHEP, Alexander Nanta Linggi dalam satu kenyataan kepada *Sinar Harian*



Keratan muka depan *Sinar Harian*.

memberitahu, beliau telah mengarahkan semua cawangan KPDNHEP di seluruh negara untuk melakukan pemeriksaan bersepadu dengan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) terhadap produk daging sejuk beku.

Beliau berkata, surat arahan berhubung perkara itu akan dikeluarkan susulan terbongkarnya taktik menyeludup daging sejuk beku dari luar negara sebelum membungkusnya semula dengan logo halal.

Undang-undang berkaitan pengimportan masuk daging sejuk beku dikuatkuasakan oleh agensi seperti Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.



SITI NUR



Siti Nur menjalankan pemeriksaan pada daging sejuk beku yang ditemui di sebuah gudang kartel di Senai, Johor Bahru.

Polis Johor terima lagi dua laporan

JOHOR BAHRU - Polis Johor telah menerima dua lagi laporan berhubung isu penyeludupan daging sejuk beku dan pemalsuan dokumen yang dipercayai dilakukan di sebuah gudang kartel daging sejuk beku di Senai di sini.

Perkara itu disahkan Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay.

"Hari ini (semalam), kita

telah terima dua lagi laporan daripada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berkaitan sitaan barang kes.

"Dua laporan itu dibuat di Balai Polis Senai," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Tambahnya, dengan dua laporan terbaharu itu, keseluruhan laporan yang diterima polis setakat ini berkaitan isu terbabit adalah sebanyak tiga.



AYOB KHAN